

# REFLEKSI

EDARAN PERCUMA | BIL 01,2017 | www.mpkulai.gov.my



Perbandaran Cemerlang Sejahtera Semua

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016,  
JASAMU DIKENANG

&  
PELANCARAN UNIT TINDAKAN CEPAT ( UTC )  
MAJLIS PERBANDARAN KULAI

AHAD, 23 JULAI 2017, 8.30 MALAM  
DEWAN BANDAR PUTRA, KULAI

*Dirasmikan Oleh:*

DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGARA



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016  
*Jasamu Dikenang*

LAWATAN  
KAWASAN KEROSAKAN  
BENCANA HUJAN DAN RIBUT

LAWATAN KE  
LADANG FOLO  
ULU TIRAM

LAWATAN KERJA ZON 1  
AHLI MAJLIS  
HAJI AYUB BIN YASIR

MAJLIS SAMBUTAN  
MAULIDURRASUL SAW  
PERINGKAT MPK<sub>U</sub>

# Sekapur Sireh...



Assalamualaikum w.b.t., salam hormat dan Salam Muafakat Johor.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan innayahNYA jua maka Majlis Perbandaran Kulai telah dapat menyediakan dan seterusnya menyiapkan Buletin Refleksi bagi tahun 2017.

Buletin Refleksi juga telah lama bersidang malah semakin matang dan mantap menghadapi masa dan sensitif dalam mengenengahkan isu-isu yang melibatkan kepentingan masyarakat Perbandaran Kulai. Namun semua ini amat memerlukan kerjasama yang kuat dan kesefahaman yang utuh. Dalam era pembangunan ekonomi Johor yang sedang rancak ini, kita dapat melihat pelbagai perubahan yang berlaku di negeri Johor ini. Perubahan yang drastik ini menjadikan Majlis Perbandaran Kulai perlu lebih matang dalam segala aspek perancangan pengurusan agar segala pelaksanaan adalah seiring dengan pembangunan di negeri Johor ini.

Pembangunan sesebuah kerajaan merupakan usaha yang kini diutamakan di negeri Johor ini dalam ke arah Johor Negeri Antarabangsa melalui pelbagai pelaksanaan pembangunan ekonomi yang dirancang. Justeru itu, budaya "5C" *CRITICAL THINKING, CREATIVE & INNOVATIVE, COLLABORATIVE, CULTURALLY LITERATE & COMMUNICATION IN EFFECTIVE* yang telah disarankan oleh YAB Menteri Besar Johor baru-baru ini perlu dijadikan sebagai satu amalan dalam diri pada setiap individu dan juga organisasi.

Akhir sekali, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Johor mesti jadi Johor. Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**TUAN HAJI FARIZAL BIN ISMAIL**  
*Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulai*

# Coretan Setiausaha...



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA Perbandaran Kulai telah dapat menyediakan Buletin Refleksi edisi pertama bagi tahun 2017.

Kesungguhan semua jabatan di Majlis Perbandaran Kulai bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang dirancang sepanjang tahun mencerminkan organisasi ini bekerjasama dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas dalam memberikan perkhidmatan yang optimum bagi mendapatkan hasil yang terbaik untuk Majlis Perbandaran Kulai. Justeru, untuk mendapat Perbandaran yang maju dari segi ekonomi dan sosial kita seharusnya memajukan dahulu sikap dan jati diri kita dalam budaya kerja yang penuh dengan cabaran masa kini.

Akhir kata saya menyeru kepada seluruh warga kerja MPKu, bersama-sama menjayakan setiap program dan perancangan yang telah direncanakan dengan penuh keikhlasan, kejujuran dan integriti serta iltizam yang tinggi.  
Sekian Terima Kasih.

**HAJAH NORLIYATI BINTI MD. NOR**  
*Setiausaha, Majlis Perbandaran Kulai*

## SIDANG EDITORIAL

### Penaung

Tuan Haji Abdul Rahman bin Salleh

### Penasihat / Editor

Hajah Norliyati Binti Md. Nor

### Ketua Terbitan

Sdr M Halim Ridhaudin Abd Manap

### Pengarang

Sdr M Fahami Hasni

### JuruFOTO

Sdr M Fahami Hasni  
Sdr M YAsir Rahim

### Koresponden

Jabatan Pentadbiran  
Jabatan Kejuruteraan & Unit Lanskap  
Jabatan Kewangan  
Jabatan Perlesenan & Kesihatan  
Unit Korporat  
Unit Teknologi Maklumat  
Jabatan Bangunan  
Jabatan Perancang Bandar  
Jabatan Undang-undang & Penguatkuasaan  
Unit Audit Dalaman  
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta  
Unit OSC  
Kelab Sukan, Kebajikan & Kebudayaan

*Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang artikel atau berita yang bersesuaian untuk dimuatkan dalam keluaran akan datang.*

**Majlis Perbandaran Kulai**  
Jalan Pejabat Kerajaan,  
81000 Kulai, Johor, Malaysia  
Tel : 607-6631511, 607-6632132  
Faks : 607-663 2407  
Email : [mdkulai@johor.gov.my](mailto:mdkulai@johor.gov.my)  
Laman Web :  
[www.johordt.gov.my/mpku](http://www.johordt.gov.my/mpku)



## *Selamat Datang* **TUAN HAJI FARIZAL BIN ISMAIL**

*Yang Dipertua baharu  
Majlis Perbandaran Kulai*

**SELURUH** warga Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) menyambut kedatangan Tuan Haji Farizal Bin Ismail sebagai Yang Dipertua (YDP) yang baharu selepas melapor diri secara rasminya untuk menjalankan tugas pada Januari lalu.

Sebelum dilantik sebagai YDP MPKu kelima, menggantikan Tuan Haji Abdul Rahman Bin Salleh yang kini bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Perbandaran Pengangkutan Awam Johor (PAJ), Haji Farizal bertugas sebagai Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Berkelulusan Bachelour Perakaunan, Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia atau UPM), simbolik kedatangan Haji Farizal ke MPKu dimulakan dengan Majlis 'Clock In' untuk memulakan tugas sebagai YDP baharu.

Simbolik kedatangannya itu, Tuan Haji Farizal telah menunggang basikal dalam program kayuhan santai dari Saleng ke bangunan MPKu disertai Kelab Basikal serta kumpulan MBBJ mengiringi kedatangan beliau sebagai tanda sokongan.

Tuan Haji Farizal yang amat komited menjalankan tugas akan meneruskan legasi kecemerlangan oleh YDP terdahulu untuk menerajui MPKu sekali gus memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah Kulai ini sentiasa cemerlang dan mencapai sasaran ditetapkan.

Ia selaras dengan misi dan visi ditetapkan MPKu untuk membangunkan MPKu sebagai pusat kegiatan ekonomi, sosial dan pusat penempatan penduduk yang sempurna dan selesa.





LAWATAN KAWASAN  
KEROSAKAN  
**BENCANA HUJAN  
DAN RIBUT**  
DI HOSPITAL KULAI DAN  
SEKOLAH-SEKOLAH TERLIBAT

**PADA** bulan Mac yang lalu, daerah Kulai telah dilanda bencana ribut dan angin kencang yang mengakibatkan banyak kerosakan harta benda awam.

Justeru itu, YB Datuk Ayub Bin Rahmat, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan Dan Penerangan Negeri Johor telah mengadakan lawatan di Hospital Kulai dan sekolah-sekolah terlibat bagi menyaksikan sendiri tahap kerosakan akibat bencana tersebut. Baik pulih bangunan berkenaan dilaksanakan dengan kadar segera kerana bangunan tersebut merupakan antara infrastruktur terpenting bagi penduduk di daerah ini. Kos baik pulih infrastruktur bangunan dan alatan dianggarkan sekitar RM1 juta. ■



# LAWATAN KE LADANG FOLO ULU TIRAM



**PADA** 18 Januari lalu MPKU telah mengadakan lawatan ke Ladang "Feed Our Love One" di Ulu Tiram berkaitan dengan program usahasama di antara MPKU dan UTM mengenai Program "Low Carbon Society".

Program berkenaan turut disertai oleh jabatan-jabatan yang teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Landskap, Jabatan Perlesenan, Jabatan Kejuruteraan dan Unit Perhubungan Awam.

Program tersebut merupakan saranan kerajaan negeri bagi memupuk sikap rakyat negeri ini menjalani kehidupan dalam masyarakat rendah karbon. ■



# Lawatan Kerja ZON 1

## AHLI MAJLIS HJ. AYUB BIN YASIR



**SEAWAL** jam 7.00 pagi, Majlis Perbandaran Kulai telah mengadakan program turun padang bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai masalah di sekitar kawasan pentadbirannya .

Dengan bantuan Ahli Majlis Zon 1 Kawasan Pulaijaya, program tersebut telah dilaksanakan dengan lancar. Selain daripada itu, Jabatan Teknikal dari MPKu juga turut menyertai bagi mengambil maklumat dan tindakan yang perlu dilaksanakan.

Program ini juga bertujuan membolehkan perbincangan secara dua hala dijalankan dengan lebih telus dan jelas. Program selesai sekitar jam 12 tengahari. ■





## MAJLIS SAMBUTAN MAULIDURRASUL SAW PERINGKAT MPKU



**SAMBUTAN** Maulidur Rasul peringkat Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah berlangsung pada 16 Februari lalu bermula pada jam 8.00 pagi. Majlis telah diadakan di perkarangan Surau Ibnu Makhtum MPKu yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPKu, Tuan Haji Farizal Bin Haji Ismail selain daripada difid jemputan yang terdiri daripada pegawai-pegawai jabatan kerajaan di daerah Kulai.

Penampilan penceramah terkenal Ustaz Don Danial sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat MPKu pada tahun ini menjadikannya lebih istimewa. Pelbagai acara lain turut dijalankan bagi mengenang kelahiran Nabi Muhammad S.A.W seperti tazkirah dan berzanji.

Majlis telah diakhiri dengan sesi jamuan makan untuk tetamu yang hadir. ■



# Galeria REFLEKSI



**KURSUS ASAS KESELAMATAN KEBAKARAN BAGI PASUKAN TINDAKAN KESELAMATAN MPKu.**  
16.1.2017



**MAJLIS SAMBUTAN DOA SELAMAT SEMPENA TUGASAN BARU TUAN HAJI ABDUL RAHMAN SALLEH.**  
22.1.2017



**GOTONG ROYONG TAMAN LAGENDA PUTRA.**  
15.1.2017



**LAWATAN SISPA A KE PENTADBIRAN NEGERI MELAKA.**  
7.2.2017